

26/10/2000

Industri utama Bosnia lumpuh

Azhar Abu Samah

KELEMBAPAN lebih 50 negara penderma yang berikrar memberikan bantuan kewangan untuk pemulihan semula Bosnia-Herzegovina dalam Persidangan Ikrar Bantuan Ke-4 di Brussels, Belgium pada 1998, yang dianjurkan Suruhanjaya Eropah (EC) dan Bank Dunia, serta ikrar daripada beberapa negara Islam, menyaksikan sehingga kini sebahagian besar infrastruktur di negara itu masih belum diperbaiki.

Usaha pembinaan semula negara yang musnah akibat peperangan itu melalui skim penyelamat empat tahun tajaan EC itu belum mencapai sasaran kecuali membentuk kerajaan. Dua agenda utama lain, iaitu menggerakkan ekonomi Bosnia dan memperbaiki kerosakan infrastruktur, masih berjalan secara perlahan berikutan bantuan yang dijanjikan itu lambat sampai.

Dua pertiga daripada bantuan kewangan AS\$1.8 bilion (RM6.8 bilion) sudah dibelanjakan untuk tujuan berkenaan. Antara yang ketara ialah program memperbaiki jalan raya, jambatan dan perumahan.

Hingga kini, kata Perdana Menteri yang mewakili etnik Muslim-Bosnia, Edhem Bicakcic, kira-kira 2.6 juta Deutsche Mark (DM) atau RM4.4 bilion sudah digunakan untuk menyediakan keperluan berkenaan.

"Penggunaan wang berkenaan untuk menjalankan projek penyediaan infrastruktur membolehkan kira-kira 410,000 rakyat Bosnia memiliki peluang pekerjaan," katanya dan pada masa sama ada kira-kira 260,000 lagi masih menganggur.

Selain itu, katanya, kerajaan juga mempunyai 260,000 rakyatnya yang sudah bersara daripada perkhidmatan kerajaan dengan menyediakan imbuhan tetap bulanan kepada kira-kira 100,000 orang.

Katanya, secara keseluruhan program pembinaan semula Bosnia-Herzegovina berjalan lancar di kawasan bandar tetapi agak perlahan di kawasan kampung kerana masih banyak kawasan penempatan dan jalan raya yang rosak akibat perang belum diperbaiki.

"Kami memerlukan perbelanjaan besar untuk melengkapkan semua kemudahan ini dan bantuan kewangan yang dijanjikan oleh pelbagai pihak sebelum ini amat diharapkan," katanya.

Bank Dunia pula menganggarkan kadar pengangguran di negara itu mencapai hingga 60 peratus dan kebanyakan rumah tidak akan mempunyai bekalan elektrik. Hingga kini, sebahagian besar industri utama masih lumpuh, bank pusatnya belum beroperasi dan pegawai yang ada dikatakan kurang cekap untuk menguruskan ekonomi.

"Meskipun keadaan di Bosnia semakin baik, keperluan untuk meneruskan pembinaan semula Bosnia masih banyak," katanya sambil berkata secara purata selepas empat tahun tamat peperangan, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara itu mencatatkan pertumbuhan 21 peratus.

Edhem berkata, dengan masalah yang ada, program penswastaan keperluan infrastruktur dan ke arah pembukaan pasaran tetap dijalankan walaupun ia dikatakan oleh sesetengah pihak berjalan dengan begitu perlahan.

Katanya, kini sudah ada 19 bank komersil beroperasi di kawasan Persekutuan Bosnia, termasuk sebuah bank, International Commercial Bank (ICB) dari Malaysia, yang menawarkan perkhidmatan di Sarajevo.

Begitu pun, katanya, pertumbuhan ekonomi yang dicatatkan oleh Bosnia diiktiraf dunia kerana ia menjadi negara kedua selepas Afghanistan dalam kategori negara peralihan yang mampu meningkatkan ekonominya selepas perang.

Sebagai sebuah negara yang mahu mengukuhkan semula ekonominya, Bosnia-

Herzegovina sememangnya mengharapkan bantuan, sokongan dan dorongan kerajaan daripada negara Islam, terutama di Asia Barat dan Malaysia, untuk membolehkan ia kembali pulih.

"Perdagangan dengan negara Islam boleh membantu memulihkan ekonomi Bosnia selain pembabitan syarikat daripada negara terbabit dalam pembangunan semula Bosnia.

Malah, pembabitan Malaysia sejak dari awal, termasuk mengutuk serangan Yugoslavia ke atas Bosnia, satu-satunya negara di dunia yang memutuskan hubungan diplomatik dengan Belgrade dan menghulurkan bantuan kemanusiaan, selain meneruskan bantuan kewangan selepas peperangan tamat, amat dihargai oleh semua rakyat Bosnia berketurunan Islam.

Perlu diakui, tidak malu untuk mengaku kita berasal dari Malaysia ketika di sana kerana sememangnya negara dan pemimpin kita dihormati. Sebagai rakyat Malaysia, seharusnya kita berbangga apabila pemimpin negara dipuji kerana dasar yang diamalkan membawa negara ke mercu kejayaan, selain diakui ketegasan Malaysia menundukkan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Presiden Islam-Bosnia, Alija Izetbegovic, ketika lawatan sehari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke negara itu baru-baru ini, memuji Malaysia kerana menjadi negara pertama menunaikan janji membantu pemulihan semula Bosnia.

Dr Mahathir juga menyatakan komitmen berterusan Malaysia untuk terus membantu Bosnia dan mahu lebih banyak syarikat Malaysia menjalin hubungan perdagangan dengan usahawan Bosnia.

Kuasa Usaha Malaysia di Bosnia, Mohd Hatimi Abas, dalam satu pertemuan berkata, Malaysia sudah memenuhi janjinya untuk membantu Bosnia dengan menyalurkan kira-kira AS\$12 juta (RM45.6 juta) pada 1996/1997 untuk melaksanakan beberapa projek infrastruktur selain sedang dan akan melaksanakan beberapa projek lain untuk kemudahan rakyat Bosnia.

Ketika ini, katanya, konsortium MBI Ventures Sdn Bhd yang diterajui Bumi Hiway Sdn Bhd sudah menyiapkan beberapa projek pemulihan bangunan, selain menyertai projek infrastruktur membina jalan raya, hartanah dan perumahan serta membina lebuh raya.

Edhem berkata, beberapa syarikat besar dari Bosnia seperti Energoinvest juga sudah memeterai beberapa perjanjian persefahaman dengan syarikat Malaysia untuk menyertai beberapa projek secara usaha sama yang boleh memanfaatkan kedua-dua negara.

Walaupun peperangan di Bosnia tamat pada 1995, masih banyak syarikat meragui tempoh keamanan itu kekal kerana secara kasar, agak sukar untuk menyatukan semula ketiga-tiga etnik itu disebabkan semangat membenci antara satu sama lain begitu kuat.

Secara jujur, membina semula keadaan ekonomi dan politik Bosnia mengambil masa lebih lama daripada yang dijangkakan dan tidak ada jalan pintas. Perkara ini diucapkan sendiri oleh Presiden Amerika, Bill Clinton, sekali gus memperlihatkan komitmen sebenar pemimpin utama dunia dalam menangani kemelut di Bosnia-Herzegovina.